

31/05/1998

MT tentukan kedudukan Muhammad Taib: PM (HL)

Kamal Ahmad; Zulkofli Jamaludin, Zainudin Isa; Nurul Adlina Kamaludin
KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kedudukan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dalam Umno hanya akan diputuskan oleh Majlis Tertinggi (MT) parti yang dijadual bermesyuarat 8 Jun ini.

Menurut Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, keputusan memberi cuti kepada Muhammad dibuat oleh MT dan sebarang keputusan mengenai kedudukannya sekarang perlu dibuat oleh majlis tertinggi itu.

"Saya tak boleh kata lagi sebab yang buat keputusan dan bagi cuti pada beliau adalah MT. Apabila dirujuk kepada MT baru boleh buat apa-apa keputusan pun. Waktu ini tak boleh kata apa-apa pun," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-45 di Wisma MCA, semalam.

Mesyuarat MT Umno pada 10 Mei 1997 setuju Muhammad bercuti sehingga kes beliau di mahkamah di Australia, selesai. Berikutan itu, beliau tidak hadir dalam semua mesyuarat yang membabitkan beliau sebagai Naib Presiden Umno.

Muhammad menghadapi dua tuduhan membuat perisytiharan palsu memiliki RM20,000 ketika masuk ke Australia dan gagal membuat laporan membawa keluar mata wang asing bernilai A\$1.2 juta dari negara itu enam hari kemudian.

Berikutan kes itu, beliau meletakkan jawatan Menteri Besar Selangor pada 14 April 1977 serta Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kelmarin, beliau dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane.

Ditanya sama ada dengan keputusan itu Muhammad secara automatik akan dibenarkan bertanding dalam pemilihan agung Umno tahun depan, Dr Mahathir berkata perkara itu juga akan ditentukan oleh MT Umno.

"Yang itu tak boleh tentu lagi sebab kena tunggu mesyuarat MT. Kalau tanya saya dan saya bagi keputusan sekarang ini macam mana?" katanya.

Ditanya mengenai Muhammad yang mempunyai hartanah di Gold Coast, Australia dan New Zealand, Perdana Menteri berkata: "Sebenarnya, sebagai MB, dia mesti mengisytiharkan hartanya kepada saya."

Beliau enggan mengulas sama ada beliau terkejut dengan pemilikan harta Muhammad di negara itu.

"Saya ingat tak nak jawab lagi sehingga mesyuarat MT," katanya.

Muhammad ketika perbicaraan Isnin lalu memberitahu mahkamah bahawa beliau menggunakan nama isterinya, Puan Sri Asbi Rohani Hasnan, untuk membeli beberapa harta di Australia dan New Zealand.

Harta itu ialah tanah bernilai A\$460,000 dan banglo yang bernilai A\$460,000 di Sovereign Island, Gold Coast; ladang di Currajong kedua-duanya di Australia bernilai A\$3.7 juta; rumah bernilai NZ\$500,000 dan dua bidang tanah bernilai kira-kira NZ\$4 juta di New Zealand.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno akan membincangkan kes Muhammad pada mesyuarat minggu depan.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno dan pengerusi jawatankuasa itu berkata, keputusan yang dicapai jawatankuasa berkenaan akan diserahkan kepada Dr Mahathir dan MT.

"Jawatankuasa akan bermesyuarat minggu depan dan kita akan meneliti kes ini. Biasanya, apa saja keputusan yang dicapai jawatankuasa disiplin akan diserahkan kepada Presiden dan MT," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku dan menteri belia dari 35 negara Komanwel sempena mesyuarat Menteri Belia Komanwel, di sini semalam.

Mengenai keputusan mahkamah itu, Anwar berkata: "Kita menyambut baik keputusan mahkamah itu dan saya ucapkan tahniah kepada Tan Sri Muhammad Taib."

(END)